



**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEBENARAN AM POTONGAN DARIPADA GAJI PEKERJA
(SEKSYEN 24 AKTA KERJA, 1955)**

Pada menjalankan kuasanya di bawah Seksyen 24 Akta Kerja 1955, Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dengan ini memberi kebenaran kepada mana-mana majikan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk membuat potongan daripada gaji pekerja-pekerja asing bagi pembayaran kos penginapan yang tidak melebihi RM50.00 sebulan.

Kebenaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di muka surat 2.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd. Jeffrey Bin Joakim".

Tarikh: 9 April 2013

(MOHD. JEFFREY BIN JOAKIM)
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Syarat-syarat kebenaran ialah:

- (i) majikan hendaklah telah melaksanakan gaji minimum berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 atau 1 Julai 2013 atau pada tarikh-tarikh penangguhan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), semasa potongan dibuat;
- (ii) jumlah potongan gaji bagi tujuan ini hendaklah **tidak melebihi RM50.00** sebulan;
- (iii) potongan yang dibuat adalah untuk **kos penginapan sahaja** tidak termasuk bil elektrik, bil air, kawalan keselamatan, kos penyediaan kemudahan dan lain-lain kos penyelenggaraan penginapan;
- (iv) jumlah keseluruhan potongan gaji pekerja sebulan termasuk potongan kos penginapan hendaklah tidak boleh melebihi 50% daripada gaji keseluruhan pekerja;
- (v) rekod potongan gaji untuk kos penginapan tersebut hendaklah disimpan oleh majikan dan ditunjukkan kepada Pegawai Tenaga Kerja pada bila-bila masa diminta olehnya;
- (vi) majikan yang telah melaksanakan potongan gaji bagi tujuan ini hendaklah mernaklumkan kepada Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat berhubung potongan ini;
- (vii) majikan tidak dibenarkan membuat potongan terhadap bayaran kos penginapan pekerja asing yang terakru sebelum tarikh kuatkuasa kebenaran ini;
- (viii) kebenaran ini tidak terpakai kepada majikan di **sektor perladangan**; dan
- (ix) kebenaran ini adalah berkuatkuasa **serta-merta** dan boleh ditarik balik oleh **Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia** pada bila-bila masa mengikut budibicaranya, tanpa mengemukakan apa-apa alasan.